

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### PADU elak ketirisan subsidi



ANWAR (tengah) melancarkan sistem PADU sambil disaksikan Ahmad Zahid (tiga dari kiri) di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAPA

PM jamin beri manfaat, kemudahan untuk golongan layak

## PADU elak ketirisan subsidi

Oleh RIDZAUDIN ROSLAN  
dan MUHAMMAD NAJEB  
AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** — Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dapat memberi jaminan bahawa manfaat dan kemudahan yang ditawarkan kerajaan bakal dinikmati sepenuhnya golongan layak, terutamanya berupaya mengelakkan sebarang ketirisan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan inisiatif itu juga disifatkan mampu mengurangkan kos perbelanjaan selepas jumlah subsidi ditanggung oleh ker-

jaan ketika ini melebihi RM80 bilion.

"Hari ini (semalam) kita telah kenalkan PADU yang mana seperti dijelaskan Rafizi Ramli (Menteri Ekonomi), pertamanya ia selaras dengan pendekatan dan transformasi digital.

"Kedua, ia memberi jaminan manfaat dan kemudahan itu dinikmati orang yang berhak menerimanya dan tentunya dengan cara demikian dapat kurangkan kos serta ketirisan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peruncuran PADU di Pusat Konven-

syen Putrajaya di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan barisan Kabinet yang lain.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, penyasaran subsidi juga tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan pendekatan PADU dan transformasi digital.

Kata beliau lagi, belanja umum kerajaan termasuk beberapa perkiraan perbelanjaan dalam semua bidang bagi membantu rakyat miskin seperti di desa, pedalaman, nelayan dan petani telah mencecah se-

banyak RM22 bilion.

"Dalam semua kajian, mengatakan (subsidi) tidak sampai sepenuhnya kepada kumpulan sasaran."

"Subsidi diberikan kerajaan dikira dengan nilai sekarang mencecah RM80 bilion dan tidak mungkin Malaysia bertahan uruskan kewangan belanjawan jika hal ini tidak dapat diperbaiki," jelasnya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, subsidi yang diberikan sebelum ini turut dinikmati hampir 3.5 juta warga asing dengan nilai perbelanjaan mencecah RM10 bilion.